

**PELAN
STRATEGIK
PLAN Malaysia
2021-2025**

KANDUNGAN

04

-
- PERUTUSAN KETUA PENGARAH

06

-
- PENDAHULUAN PELAN STRATEGIK **PLAN**Malaysia 2021-2025

08

-
- LATAR BELAKANG **PLAN**Malaysia

12

PROFIL KORPORAT

- FUNGSI
- PUNCA KUASA
- CARTA ORGANISASI
- PEMEGANG TARUH
- PELANGGAN
- ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN
- HALA TUJU STRATEGIK
- NILAI-NILAI BERSAMA

28

-
- TERAS STRATEGIK 1

35

-
- TERAS STRATEGIK 2

42

-
- TERAS STRATEGIK 3

47

-
- TERAS STRATEGIK 4

53

-
- TERAS STRATEGIK 5

59

-
- MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
 - PENUTUP

PRAKATA

Perutusan Ketua Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah, Pelan Strategik PLANMalaysia 2021-2025 telah sedia untuk dilaksanakan. Pelan strategik ini adalah dokumen penting yang menentukan strategi, hala tuju dan pengurusan sumber Jabatan secara komprehensif dan inklusif dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang bermula tahun 2021 sehingga 2025. Oleh yang demikian, semua pengarah, ketua unit dan warga PLANMalaysia hendaklah mematuhi, menghayati dan melaksanakan pelan strategik ini dengan jayanya.

Dalam merangka hala tuju Jabatan bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan, sebanyak lima (5) Teras Strategik, 19 Strategi dan 71 Program/Aktiviti telah digariskan. Hal ini disokong dengan indikator sasaran, sasaran, tempoh pencapaian sasaran, dan bahagian yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan pelaksanaannya secara komprehensif dan holistik. Seluruh warga PLANMalaysia Ibu Pejabat dan PLANMalaysia@Negeri perlu menjadikan pelan strategik ini sebagai teras dan rujukan utama kepada semua perancangan aktiviti organisasi tahunan.

Dunia pada masa kini sedang menghadapi pandemik COVID-19 di samping tekanan perubahan ekosistem perbandaran global dan kita perlu berusaha menangannya melalui pelaksanaan *New Urban Agenda* (NUA) dan *Sustainable Development Goals* (SDGs). Perubahan global ini menuntut agar warga PLANMalaysia bangkit dengan pantas, menyahut cabaran dan melakukan perubahan dalam bidang perancangan bandar dan desa agar Jabatan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan perancangan bandar dalam negara. Selain itu, hasrat Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian melalui pelaksanaan *Wawasan Kemakmuran Bersama* (WKB) 2030 dan *Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025* (RMKe-12) telah diterjemahkan secara jelas dalam pelan strategik ini. Jabatan juga akan maju seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dalam Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dengan menjadi peneraju kepada



Malaysia Urban Observatory (MUO). MUO berfungsi sebagai platform untuk mengumpul, mengemaskini, menganalisis, mengurus serta menyebarkan data dan maklumat ke arah kesejahteraan bandar dan pembangunan mampan. Sistem MUO yang akan dibangunkan kelak bakal menjadi alat untuk memantau situasi bandar-bandar di Malaysia dan sebagai pemudahcara dalam proses mengenal pasti dan menganalisis isu-isu semasa perbandaran.

Pencapaian bagi setiap program/aktiviti yang dicadangkan dalam pelan strategik ini akan dipantau setiap tahun. Pemantauan ini adalah sangat penting bagi memastikan peranan dan fungsi PLANMalaysia sebagai peneraju perancangan bandar dan desa ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara menjelang 2030 akan tercapai. Saya percaya seluruh warga PLANMalaysia mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk terus menjadikan Jabatan sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea yang bernas untuk menghasilkan dokumen semakan semula Pelan Strategik PLANMalaysia 2021-2025 ini.

Sekian, terima kasih.

TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin
Ketua Pengarah

PENDAHULUAN PELAN STRATEGIK

PLANMalaysia **2021-2025**

PELAN STRATEGIK PLANMalaysia 2021-2025

Penyediaan Pelan Strategik PLANMalaysia 2021-2025 merupakan kesinambungan dan penambahbaikan kepada Pelan Strategik JPBD 2012-2020. Pelan strategik ini menggariskan arah tuju PLANMalaysia yang jelas dalam merealisasikan visinya iaitu '**Peneraju Perancangan Bandar dan Desa ke Arah Kesejahteraan Rakyat dan Kemakmuran Negara Menjelang 2030**'.

Pelan strategik ini telah dirangka melalui beberapa siri mesyuarat, perbincangan dan bengkel yang telah diadakan pada tahun 2019 dan 2020. Output yang telah dihasilkan ini adalah gabungan input dan maklum balas daripada semua bahagian dan unit di PLANMalaysia Ibu Pejabat dan PLANMalaysia@Negeri.

Pelan strategik ini menetapkan suatu anjakan peranan PLANMalaysia selaras dengan peranan yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya seiring dengan polisi dan dasar kerajaan pada masa kini. PLANMalaysia juga berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi semua pemegang taruh dan pelanggan yang sentiasa mahukan pembaharuan. Peranan dan tanggungjawab Jabatan telah diterjemah ke dalam satu bentuk perancangan yang strategik, berdaya laksana dan mampu memenuhi keperluan golongan sasaran yang ditetapkan melalui perancangan pelan strategik ini.

Lima (5) Teras Strategik adalah seperti berikut:

1. Memperkukuhkan Keberkesanan Perancangan Pengurusan Pembangunan Spatial dan Guna Tanah ke Arah Kesejahteraan Rakyat serta Kemakmuran Negara
2. Memperluas dan Memantapkan Penyelidikan Pembangunan ke Arah Amalan Perancangan Terbaik Bertaraf Dunia untuk Kesejahteraan Rakyat serta Kemakmuran Negara
3. Memperkasa Akta Berkaitan Perancangan Bandar dan Desa
4. Memperkukuhkan Pengurusan Maklumat Perancangan yang Sistemik dan Efisien
5. Memperkukuhkan Pembangunan Kapasiti Organisasi dan Urus Tadbir ke Arah Melonjakkan Kecekapan dan Daya Saing

LATAR
BELAKANG
PLANMalaysia

Latar

BELAKANG

PLANMalaysia



Pada 3 September 1920, Kerajaan British di Tanah Melayu telah mengarahkan Kerajaan Australia Selatan supaya menghantar Charles Compton Reade (*Government Town Planner*) datang ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk memberi nasihat tentang hal ehwal perancangan bandar. Ini menandakan bermulanya aktiviti perancangan bandar dan desa dengan rasminya di Tanah Melayu pada tahun 1921. Pejabat perancangan bandar yang pertama adalah di Bangunan Sekretariat Kuala Lumpur (Bangunan Sultan Abdul Samad) yang mula beroperasi pada 18 Januari 1921. Charles Compton Reade telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Perancangan dari tahun 1921 hingga 1927, dan dibantu oleh pegawai-pegawai jurukur dan jurutera awam yang dipinjamkan daripada Jabatan Ukur dan Jabatan Kerja Raya. Pegawai tadbir daripada pejabat tanah juga turut dilibatkan dalam mentadbir aktiviti perancangan semula dan pengagihan lot sebagai *Town Planning Administrator*.

Aktiviti awal perancangan bandar dan desa pada masa itu termasuklah perancangan semula dan pengagihan lot, perancangan bangunan dan perumahan awam, pelebaran jalan dan pelurusan Sungai Klang. Di antara tahun 1928-1969, beberapa Pesuruhjaya Perancangan telah dilantik. Pada tahun 1969, Dato' Hj. Mohd Rosli bin Hj. Buyong merupakan anak tempatan pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan telah berkhidmat sehingga tahun 1985. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, sistem perancangan bandar dan desa di dalam negara dilaksanakan melalui dua (2) peringkat iaitu peringkat persekutuan dan negeri. Tanggungjawab perancangan bandar dan desa disenaraikan di bawah Senarai 3 – Senarai Bersama (*Concurrent List*) di bawah Jadual Ke-Sembilan, Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) juga memberi peranan dan tanggungjawab berkaitan perancangan bandar dan desa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebagai pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT).






PLANMalaysia telah berkembang di seluruh negara serta mempunyai pejabat di peringkat negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain itu, empat (4) Pejabat Projek Zon telah ditubuhkan bagi memperkukuhkan sistem perancangan di mana Zon Utara meliputi Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang; Zon Timur meliputi Negeri Kelantan, Negeri Terengganu dan Negeri Pahang; Zon Tengah meliputi Negeri Perak dan Negeri Selangor manakala Zon Selatan meliputi Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Negeri Johor.

SEBELUM MERDEKA

Ringkasan 100 Tahun Kronologi Penubuhan PLANMalaysia

Penubuhan Cawangan
Jabatan Perancangan
Bandar di Ipoh
(16 Februari 1925)

Penubuhan
Pejabat-pejabat
Wilayah di Johor Bahru,
Ipoh dan Pulau Pinang



SELEPAS MERDEKA

1958

Penubuhan JPBD Negeri Perak, Johor dan Selangor

Penubuhan JPBD Negeri Pulau Pinang dan JPBD Negeri Pahang

1959

1963

Penubuhan JPBD Negeri Kelantan

1977

Penubuhan JPBD Negeri Melaka dan Negeri Sembilan

Unit Perancangan Bandar-Bandar Baru di Kuantan

1974

1969

Penubuhan JPBD Negeri Terengganu

1965

Penubuhan JPBD Negeri Kedah

Penubuhan JPBD Negeri Perlis

1978

1987

Pejabat-Pejabat Cawangan Rancangan Pembangunan di Alor Setar, Kuala Lumpur, Melaka dan Kuantan

Bahagian Penyelarasan dan Pengawasan Taman-Taman Awam ditubuhkan di Ibu Pejabat

1990

2017

Penjenamaan semula JPBD kepada **PLAN**Malaysia

2021

100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia (100PBM)

2020

Pertukaran Kementerian daripada KWP ke KPKT

2020

Perpindahan PLANMalaysia Ibu Pejabat ke Parcel F, Putrajaya

2018

Pertukaran Kementerian daripada KPKT ke KWP

NOTA:

KWP - Kementerian Wilayah Persekutuan

KPKT - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Profil
KORPORAT

FUNGSI

PERINGKAT PERSEKUTUAN

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal perancangan bandar dan desa;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang, prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan;
- Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial;
- Memudahkan dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua peringkat pelaksanaan;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Menyelia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negara.

PERINGKAT NEGERI

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal-ehwal perancangan bandar dan desa dalam menyelaras pelaksanaan Akta 172 di peringkat Negeri;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172;
- Memudahkan dan memantau pembangunan dalam Negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan pembangunan;
- Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri;
- Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah Negeri.

PERINGKAT TEMPATAN

- Merancang, menyelaras dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT);
- Memudahkan dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari semasa ke semasa.

PUNCA KUASA

Punca kuasa perundangan bagi aktiviti perancangan bandar dan desa adalah daripada Akta 172 yang digubal menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan. PLANMalaysia memainkan peranan utama dalam memberi nasihat kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bertanggungjawab kepada Parlimen dalam semua hal yang berkaitan perancangan bandar dan desa di seluruh negara.

i Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

Akta 172 mendapat perkenan Diraja pada 16 Mac 1976 dan diwartakan pada 25 Mac 1976. Walau bagaimanapun, pemakaian akta ini di negeri-negeri ini hanya boleh dibuat pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan dengan persetujuan Menteri. Akta ini digubal bagi pengawalan dan pengawalseliaan mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia.

ii Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1993 [Akta A866]

Pada tahun 1993, Akta 172 dipinda untuk memasukkan peruntukan berhubung dengan aktiviti pembedungan agar ianya selaras dengan Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 [Akta 508] yang digubal pada tahun yang sama. Pindaan akta ini dikenali sebagai Akta A866.

iii Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [Akta A933]

Pada tahun 1995, pindaan Akta 172 dibuat bagi menangani kelemahan yang wujud akibat pembangunan yang mengabaikan pemeliharaan alam sekitar khususnya yang berkaitan dengan perintah pemeliharaan pokok. Keseluruhan peruntukan berkaitan dengan perintah pemeliharaan pokok ini dapat dilihat di Bahagian VA bermula daripada Seksyen 35A hingga 35H Akta 172.

iv Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [Akta A1129]

Pindaan pada tahun 2001 dibuat bagi menangani masalah yang timbul khususnya dalam sektor hartanah dan mewujudkan peranan Kerajaan Persekutuan dalam hal ehwal perancangan bandar dan desa selaras dengan semangat tanggungjawab bersama yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Akta ini juga memuatkan dua bahagian baru iaitu Bahagian IIA Jawatankuasa Perancang Wilayah dan Bahagian IIB Rancangan Fizikal Negara. Pindaan ini juga memperkenalkan beberapa pendekatan baru khususnya dalam sistem rancangan pemajuan dan juga kawalan perancangan dalam Akta 172.

v Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007 [Akta A1313]

Pindaan Akta A1313 pada tahun 2007 dilaksanakan bagi memasukkan peruntukan berhubung dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam.

Pindaan ini membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan mengambil kira peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] semasa menguruskan sesuatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang.

vi Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] sekali lagi dipinda pada tahun 2017 dan dikenali sebagai Akta A1522, yang telah diwartakan pada 16 Januari 2017. Pindaan kelima ini melibatkan dua pindaan iaitu memasukkan keperluan *Social Impact Assessment* (SIA) bagi projek yang dikemukakan kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk mendapatkan nasihat iaitu cadangan pemajuan pennebusgunaan pinggir laut dan pembinaan infrastruktur utama negara serta pemantapan kandungan laporan cadangan pemajuan dengan memasukkan elemen SIA.

Keperluan pindaan dibuat adalah bertujuan untuk memperkukuhkan pembangunan inklusif ke arah pembangunan masyarakat yang saksama. Penilaian Impak Sosial dalam perancangan projek merupakan pendekatan penilaian impak pemajuan yang berteraskan sosial yang memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat. Ia berperanan menilai isu-isu daripada sesuatu cadangan pemajuan dengan mencadangkan alternatif pembangunan dan membuat pilihan terbaik bagi mengelakkan impak serta meminimumkan kesan negatif kepada komuniti.

AKTA PERANCANG BANDAR 1995 (AKTA 538)

Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] telah diwartakan pada 2 November 1995 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1996. Akta ini merupakan suatu akta bagi mengawal selia profesion Perancang Bandar untuk mengukuhkan peranan profesion ini sebagai peneraju dalam bidang perancangan bandar dan desa. Akta ini penting bagi memastikan kawalan ke atas tata kelakuan dan etika profesion ini ke arah menjamin mutu perkhidmatan yang ditawarkan agar setaraf dengan negara maju. Melalui akta ini juga, penyeragaman penerimapaik dan pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 oleh setiap negeri di Semenanjung Malaysia dapat diwujudkan.

Akta ini terbahagi kepada 8 bahagian dan 52 seksyen iaitu :

Bahagian I (2 seksyen) adalah permulaan yang menyentuh tentang tajuk ringkas dan tafsiran.

Bahagian II (8 seksyen) adalah berkaitan Lembaga Perancang Bandar yang ditubuhkan. Ia menjelaskan berkenaan keanggotaan, pelantikan, penamatan, pembatalan, fungsi dan kuasa Lembaga.

Bahagian III (9 seksyen) adalah berkenaan pendaftaran perancang bandar. Ia menjelaskan jenis pendaftaran, lantikan dan tugas pendaftar, hak, kelayakan pendaftaran, permohonan dan perakuan pendaftaran dan pendaftaran sementara perancang bandar asing.

Bahagian IV (11 seksyen) adalah berkenaan amalan perancangan bandar oleh pertubuhan perbadanan. Ia menyentuh berkenaan komposisi pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan perancang bandar, permohonan permohonan dan pembatalan permit, hak untuk didengar, pemberhentian amalan,

kuasa Lembaga mengeluarkan permit baru dan rayuan terhadap penolakan, syarat dan pembatalan tidak dibenarkan.

Bahagian V (8 seksyen) adalah berkenaan celaan, penggantungan, pembatalan, penyingkiran dan kemasukan semula. Ia menyentuh berkenaan penubuhan, pelantikan dan kuasa Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib, pembatalan dan penyingkiran pendaftaran, pemulangan perakuan pendaftaran dan kemasukan semula ke dalam Daftar.

Bahagian VI (5 seksyen) adalah berkenaan dengan penubuhan Lembaga Rayuan. Ia menerangkan berkenaan fungsi, prosedur, tempoh jawatan dan elaun anggota Lembaga Rayuan.

Bahagian VII (5 seksyen) adalah berkenaan kesalahan-kesalahan, penalti, pendakwaan dan perjalanan prosiding sivil.

Bahagian VIII (4 seksyen) adalah berkenaan perkara am yang menyentuh tentang kuasa untuk membuat kaedah-kaedah, semua perancang bandar adalah tertakluk kepada akta dan kecualian tentang hak kerajaan.

AKTA-AKTA UTAMA

Selain daripada Perlembagaan Persekutuan dan Akta 172, terdapat beberapa Akta Utama lain yang menjadi Punca Kuasa kepada Jabatan seperti berikut :

- a. Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 (Akta 2);
- b. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486);
- c. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56);
- d. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);
- e. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- f. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- g. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318);
- h. Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423);
- i. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645);
- j. Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 (Akta 664);
- k. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672);
- l. Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687);
- m. Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 (Akta 688); dan
- n. Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

AKTA-AKTA LAIN

Selain daripada Akta Utama di atas terdapat juga Akta-akta lain yang dirujuk untuk Pelaksanaan Aktiviti Perancangan Bandar dan Desa. Antaranya:-

- a. Akta Kawasan Pengairan 1953 (Akta 386);
- b. Akta Pembangunan Tanah 1956 (Akta 474);
- c. Akta Jalan Persekutuan 1959 (Akta 376);
- d. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Akta 385);
- e. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76);
- f. Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313);
- g. Akta Perikanan 1985 (Akta 317);
- h. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- i. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446);
- j. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447);
- k. Akta Bekalan Gas 1993 (Akta 501);
- l. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506);
- m. Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 (Akta 508);
- n. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555); dan
- o. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

KAEDAH-KAEDAH YANG DITERIMAPAKAI

Kaedah-kaedah berkenaan Perancangan Bandar dan Desa yang dibuat di bawah Seksyen 28, Akta 172 juga merupakan Sumber Kuasa bagi Melaksanakan Peranan dan Fungsi Jabatan seperti berikut :

- a. Kaedah-kaedah Rancangan Pemajuan 1984;
- b. Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (Am) 2010;
- c. Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan 1988;
- d. Kaedah-kaedah Pemeliharaan Pokok 1988;
- e. Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) 2010;
- f. Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Persisiran Pantai) 2010;
- g. Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah dan Bangunan yang Mempunyai Kepentingan Sejarah atau Senibina) 2010;
- h. Kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010;
- i. Kaedah-kaedah Rancangan Kawasan Khas 2010;
- j. Kaedah-kaedah Rancangan Struktur 2019; dan
- k. Kaedah-kaedah Rancangan Tempatan 2019.

DASAR DAN RANCANGAN PEMAJUAN

Dasar-dasar yang diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) juga merupakan Sumber Kuasa bagi Pelaksanaan Aktiviti Perancangan Bandar dan Desa seperti berikut :

- a. Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3);
- b. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2);
- c. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030;
- d. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN);
- e. Rancangan Pemajuan yang telah Diwartakan; dan
- f. Dasar-Dasar Sektor dan Pelan-Pelan Induk Pelaksanaan Sedia Ada.

GARIS PANDUAN, MANUAL DAN PIAWAIAN DAN PANDUAN PELAKSANAAN

Garis Panduan, Manual dan Piawaian dan Panduan Pelaksanaan Perancangan yang disediakan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri juga merupakan Sumber Kuasa bagi Pelaksanaan Aktiviti Perancangan adalah seperti berikut :

- a. Garis Panduan Perancangan (GPP);
- b. Manual dan Piawaian Perancangan; dan
- c. Panduan Pelaksanaan.

ARAHAN/PEKELILING/SURAT PERBENDAHARAAN

Jabatan juga tertakluk kepada Arahan/Pekeliling/Surat Perbendaharaan semasa selaras dengan Fungsi dan Peranan sebagai Agensi Perkhidmatan seperti berikut :

- a. Surat Pekeliling Perkhidmatan;
- b. Surat Pekeliling Perbendaharaan;
- c. Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam;
- d. Pekeliling Perkhidmatan;
- e. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam;
- f. Arahan Perkhidmatan; dan
- g. Arahan Perbendaharaan.

Carta ORGANISASI

KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL (PLANNING)

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA
NATIONAL PHYSICAL PLANNING DIVISION

BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH
REGIONAL PLANNING DIVISION

RANCANGAN PEMBANGUNAN
DEVELOPMENT PLANNING

Pejabat Projek Zon Selatan
Southern Zone Project Office

Pejabat Projek Zon Tengah
Central Zone Project Office

Pejabat Projek Zon Utara
Northern Zone Project Office

Pejabat Projek Zon Timur
Eastern Zone Project Office

Unit Penyelarasan Projek
Project Coordination Unit

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL (DEVELOPMENT)

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
RESEARCH AND DEVELOPMENT DIVISION

BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA PERANCANGAN
LEGAL AND PLANNING REGULATORY DIVISION

BAHAGIAN MAKLUMAT GUNATANAH NEGARA
NATIONAL LAND USE INFORMATION DIVISION

PLANMalaysia@NEGERI
PLANMalaysia@STATE

PLANMalaysia@PAHANG
PLANMalaysia@PAHANG

PLANMalaysia@PERAK
PLANMalaysia@PERAK

PLANMalaysia@JOHOR
PLANMalaysia@JOHOR

PLANMalaysia@SELANGOR
PLANMalaysia@SELANGOR

PLANMalaysia@PULAU PINANG
PLANMalaysia@PULAU PINANG

PLANMalaysia@MELAKA
PLANMalaysia@MELAKA

PLANMalaysia@KELANTAN
PLANMalaysia@KELANTAN

PLANMalaysia@TERENGGANU
PLANMalaysia@TERENGGANU

PLANMalaysia@NEGERI SEMBILAN
PLANMalaysia@NEGERI SEMBILAN

PLANMalaysia@KEDAH
PLANMalaysia@KEDAH

PLANMalaysia@PERLIS
PLANMalaysia@PERLIS


PEMEGANG TARUH

Pemegang taruh merupakan pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan program yang mana kebiasaannya adalah merupakan pihak yang membuat dasar terhadap program atau yang boleh mempengaruhi dasar terhadap program.



PELANGGAN

Pelanggan merupakan individu atau organisasi yang menerima dan menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung.



BADAN PROFESIONAL

- Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM);
- Lembaga Arkitek Malaysia (LAM);
- Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT);
- Lembaga Jurutera Malaysia (BEM);
- Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP);
- Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM);
- *Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)*;
- Persatuan Juruukur Tanah Malaysia (PEJUTA);
- *Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)*;
- Institut Jurutera Malaysia (IEM);
- Majlis Peguam Malaysia (BAR);
- Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER);
- Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM);
- *Institution of Geospatial and Remote Sensing Malaysia (IGRSM)*; dan
- Balai Iktisas Malaysia (BIM).

BADAN BUKAN KERAJAN DALAM NEGARA

- Badan Warisan Malaysia
- Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA)
- Persatuan Industri Landskap Malaysia (SILARA)
- Persatuan Pembeli Rumah (HBA)
- Persatuan-Persatuan Alam Sekitar
- Persatuan-Persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Persatuan-Persatuan Penduduk dan Kemasyarakatan

BADAN BUKAN KERAJAN LUAR NEGARA

- *United Nations Human Settlements Program (UN-Habitat)*;
- *Commonwealth Local Government Forum (CLGF)*;
- *Commonwealth Association of Planners (CAP)*;
- *Eastern Regional Organization for Planning and Human Settlements (EAROPH)*;
- *Asia – Pacific Ministerial Conference on Housing and Urban Development (APMCHUD)*;
- *United Cities and Local Governments Asia – Pacific (UCLG-ASPAC)*;
- *United Nations Development Programme (UNDP)*;
- *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*; dan lain-lain.

RAKAN STRATEGIK

- Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)
- URBANICE Malaysia
- Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
- Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
- Institut Penyelidikan (Cth: NAHRIM, FRIM, MARDI)
- Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) / Agensi *Remote Sensing* Malaysia (ARSM)
- Pihak Berkuasa Negeri (PBN)
- Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT)
- Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- POS Malaysia
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
- Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Kerja (KSM)
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)
- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
- UTM – *Disaster Preparedness and Prevention Center* (DPCC)
- Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA)
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
- Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
- Jabatan Standard Malaysia (JSM)
- Agensi di bawah kementerian

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN

Pembentukan kerangka hala tuju strategik dibuat berdasarkan kepada analisis persekitaran dalaman dan luar negara. Ini penting bagi memastikan perkhidmatan Jabatan dapat memenuhi permintaan pemegang taruh dan pelanggan serta bersedia untuk menghadapi perubahan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Berdasarkan analisis persekitaran dan cabaran, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan luaran dan dalaman negara. Faktor-faktor ini memberi kesan langsung kepada peranan dan fungsi PLAN Malaysia seperti berikut:

CABARAN LUARAN

New Urban Agenda (NUA) and Sustainable Development Goals (SDGs)

Di peringkat global, *United Nations* (UN) telah menetapkan *Sustainable Development Goals* (SDGs) sebagai Agenda Perbandaran Baharu Dunia (*New Urban Agenda*) sehingga tahun 2030. Agenda ini berpaksikan kepada matlamat untuk memelihara keperluan asas global, hak asasi manusia dan mengukuhkan keamanan sejagat serta menetapkan piawai global dalam pencapaian pembangunan bandar mampan. Integrasi sasaran global di dalam perancangan strategik Jabatan secara holistik adalah sangat penting bagi memastikan perubahan perbandaran negara seiring dengan perubahan global.

Perubahan Iklim Dunia dan Risiko Bencana

Perubahan iklim global merupakan ancaman yang perlu diberi perhatian dan ditangani secara menyeluruh kerana ianya boleh memberi kesan terhadap peningkatan suhu dunia dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, perubahan ini juga boleh memberi kesan terhadap peningkatan berlakunya bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, hakisan pantai, gempa bumi dan peningkatan aras laut. Cabaran ini perlu ditangani supaya risiko-risiko ini dapat dikenal pasti, penilaian kerentanan (*vulnerability assessment*), langkah-langkah untuk mengukuhkan tahap kesediaan bandar dan langkah-langkah pemulihan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perkembangan Teknologi Terkini

Kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah membolehkan perkongsian maklumat berlaku dengan pantas dan diperolehi tanpa sempadan. Pada masa kini teknologi dunia sedang mengorak langkah daripada sistem perhubungan berasaskan 4G ke 5G bagi mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Jabatan perlu menyahut cabaran ini dengan bersedia untuk meningkatkan produktiviti dan sistem penyampaian secara menyeluruh melalui capaian maklumat guna tanah yang mudah, ketersediaan data perbandaran digital yang komprehensif serta penggunaan alat-alat perancangan terbaru dengan menerapkan konsep Bandar Pintar.

Perancangan Pasca COVID-19

Pandemik COVID-19 dengan peningkatan jangkitan dan kematian yang tinggi telah menyebabkan keperluan penilaian semula pendekatan perancangan fizikal untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Ini penting bagi memastikan perancangan bandar dapat menyediakan persekitaran fizikal yang mampu mencegah dan mengawal jangkitan penyakit berbahaya, berfungsi secara berkesan dalam suasana kecemasan seperti darurat serta menyokong ekosistem pendigitalan negara.

CABARAN DALAMAN

Mencapai Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Tahan dan Berterusan

Berdasarkan unjuran RFN Ke-3, jumlah penduduk dalam negara pada tahun 2040 dijangka mencecah 46.1 juta. Perancangan fizikal yang seimbang diperlukan untuk memacu perkembangan ekonomi secara berterusan supaya kadar pertumbuhan penduduk yang pesat diuruskan sebaiknya seterusnya memastikan daya saing bandar dapat diperkukuhkan supaya selari dengan perubahan landskap dan ekonomi dunia. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan, peningkatan daya saing ekonomi di kawasan luar bandar perlu digalakkan supaya pelaburan bernilai tinggi dan peningkatan rantaian nilai aktiviti ekonomi turut dirasai di kawasan luar bandar seterusnya mencapai pertumbuhan yang seimbang, kukuh dan berterusan.

Mencapai Negara yang Berdaya Huni

Pada tahun 2040, RFN Ke-3 telah menetapkan kadar urbanisasi negara tidak melebihi daripada 85%. Bagi menuju ke arah ini, konurbasi ekonomi perlu diperkukuhkan untuk dijadikan sebagai pusat utama aktiviti ekonomi dan sosial negara serta disokong dengan pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan bandar yang berkualiti ke arah menjadikan kawasan bandar yang berdaya huni. Kemudahan dan perkhidmatan kawasan luar bandar yang setara dengan kawasan bandar juga penting untuk memastikan masyarakat luar bandar hidup selesa, produktif dan menikmati peluang yang saksama seperti masyarakat di bandar. Pendekatan *No One Left Behind* perlu diterapkan dalam perancangan bandar agar selari dengan matlamat SDGs di mana perancangan yang dilaksana adalah lebih inklusif, saksama dan berkualiti.

Mencapai Negara yang Rendah Karbon

Usaha untuk merealisasikan Bandar Rendah Karbon telah dilaksanakan melalui rancangan pemajuan dan garis panduan perancangan Jabatan. Walau bagaimanapun, cabaran ini akan berterusan di mana penetapan pengurangan 50% pelepasan gas karbon dioksida perlu diterjemahkan melalui inisiatif-inisiatif perancangan terkini. Pelbagai usaha baru perlu terus diterokai bagi merealisasikan bandar rendah karbon dalam negara menjadi kenyataan dengan mengambil kira keperluan untuk meminimumkan penghasilan sisa dan pengukuhan amalan mesra alam seperti 6R; iaitu guna semula, kurangkan, reka semula, kilang semula, pulih semula serta mencipta peluang ekonomi berdasarkan inovasi terkini dalam pembangunan lestari.

Perkongsian Maklumat Secara Efisien

Perkongsian data merupakan aspek penting dalam sesebuah bandar pintar bagi membolehkan maklumat tepat dan sahih dapat disampaikan secara terbuka dan perkongsian maklumat secara efisien.

Pembangunan Digital Infrastruktur

Kesediaan infrastruktur digital merupakan aspek penting dalam penentuan kadar kebergantungan negara kepada sistem telekomunikasi.

Sehubungan itu, dasar, prosedur dan perundangan yang berkaitan perlu dikaji semula bagi memastikan tahap dan kualiti liputan dapat dipertingkatkan.

Mencapai Negara Pintar (*Smart Nation*) yang berasaskan Data Raya

Negara masih berhadapan dengan cabaran kedapatan dan keselamatan negara dalam membangunkan infrastruktur digital termasuk pusat data. Data raya merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada perubahan kaedah membuat keputusan dan transaksi perniagaan. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, pemboleh daya ini dibangunkan sebagai pemacu kepada proses penggubalan dasar berpandukan kajian dan maklumat empirikal serta pengintegrasian dan konsolidasi maklumat.

HALA TUJU STRATEGIK

MOTO

Perancangan
Melangkaui Kelaziman
(*Planning Beyond
Conventional*)

Peneraju Perancangan
Bandar dan Desa ke Arah
Kesejahteraan Rakyat dan
Kemakmuran Negara
Menjelang 2030


VISI

MISI

Memacu Perancangan
Pembangunan Negara
melalui Perancangan
Spatial yang Komprehensif
dan Inovatif Demi
Kesejahteraan Masyarakat

DOKTRIN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT

“Mewujudkan Keseimbangan antara Pembangunan Fizikal dan Pembangunan Insan dari Segi Rohani dan Nilai Sejagat untuk Kemajuan Negara yang Lestari”



10K BUDAYA KERJA PLAN Malaysia MENJADI AMALAN

1. KETAKWAAN

Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat;

2. KOMITMEN

Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan;

3. KEINDAHAN

Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan;

4. KONSISTENSI

Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan;

5. KESOPANAN

Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan;

6. KEMESRAAN

Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai;

7. KEBOLEHPERCAYAAN

Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan;

8. KECEMERLANGAN

Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa;

9. KREATIVITI DAN INOVASI

Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi; dan

10. KESEGERAAN

Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian.



TERAS STRATEGIK 1

Memperkuat Keberkesanan Perancangan
Pengurusan Pembangunan Spatial dan Guna
Tanah ke Arah Kesejahteraan Rakyat serta
Kemakmuran Negara.

TERAS STRATEGIK 1

Perancangan dan pengurusan guna tanah yang mampan adalah perlu memandangkan tanah merupakan sumber yang terhad. Guna tanah yang optimum bagi menjana ekonomi perlu selalu diseimbangkan dengan kemampunan alam sekitar bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terpelihara.

STRATEGI 01

Mengurus Perdana dan Mengintegrasikan Konsep Perancangan Terkini dalam Perancangan Pengurusan Spatial dan Guna Tanah

Perancangan spatial dan guna tanah hendaklah sentiasa proaktif, responsif, inovatif dan memenuhi keperluan semasa perancangan bandar bagi mewujudkan perbandaran yang mesra rakyat. Dasar, garis panduan, rancangan pemajuan nasional, rancangan wilayah dan rancangan pemajuan yang disediakan oleh Jabatan telah menerapkan konsep perancangan terkini supaya bidang perancangan bandar sentiasa relevan.

STRATEGI 02

Meningkatkan Kolaboratif dan Libat Urus dengan Pemegang Taruh dalam Penyediaan dan Pelaksanaan Produk Perancangan

Bagi memastikan produk keluaran Jabatan digunakan secara optimum oleh pelbagai agensi dan jabatan kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah, kolaboratif dan libat urus bersama pemegang taruh ini perlu dipelbagaikan.

STRATEGI 03

Memperkuatkan Pemantauan Pelaksanaan Produk Perancangan

Bagi memastikan produk Jabatan dilaksanakan, PLANMalaysia perlu memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan produk.

STRATEGI 04

Memperingkatkan Penggunaan Produk Perancangan yang Mesra Pengguna

Produk perancangan khususnya rancangan pemajuan merupakan dokumen penting dalam proses pembangunan dan harus dihayati oleh semua pemegang taruh. Bagi meningkatkan penggunaan dan penghayatannya, rancangan pemajuan perlu dijadikan dokumen rujukan yang mesra pengguna untuk kawalan pembangunan bagi projek-projek swasta, penentuan dan pemilihan kesesuaian tapak projek-projek pembangunan oleh agensi kerajaan.

PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKUKUHKAN KEBERKESANAN PERANCANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN SPATIAL DAN GUNA TANAH KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT SERTA KEMAKMURAN NEGARA.

STRATEGI 1

MENGARUS PERDANA DAN MENINGTEGRASI KONSEP PERANCANGAN TERKINI DALAM PERANCANGAN PENGURUSAN SPATIAL DAN GUNA TANAH

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN (TAHUN SIAP)	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
